

UNDANG-UNDANG KEKELUARGAAN ISLAM DALAM KANUN NEGERI LINGGA

ISLAMIC FAMILY LAWS IN KANUN NEGERI LINGGA

*Fatimah Hamrie¹, Prof. Madya Dr. Saimi Bujang², Noranizah Yusuf³, Wan Ariffin Wan Yon⁴

¹²³⁴ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Kampus Samarahan 2,
Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sarawak

2021434446@student.uitm.edu.my

ABSTRAK

Manuskrip Kanun Negeri Lingga (KNL) merupakan teks Undang-undang Melayu Lama (UML) sebagai naskhah yang membuktikan kewujudan perundangan Islam di Sarawak. Ia merupakan undang-undang adat Melayu yang bersesuaian dengan hukum Islam. KNL mempunyai 88 halaman yang menyatakan tentang Undang-Undang Islam (Syariah); Undang-Undang Pemerintahan Raja (Hukum Kanun Datu); Undang-Undang Adat Melayu Lingga; Undang-Undang Jenayah; Undang-Undang Laut (Pelabuhan, kapal, pelayaran, perahu dagang) dan Undang-Undang Muamalat (berdagang, bermiaga, bergadai, jual beli dan pinjam meminjam). Kajian ini bertujuan untuk membuktikan kewujudan pengamalan undang-undang kekeluargaan Islam sebelum kedatangan James Brooke di Sarawak. Objektif khusus kajian ini adalah menyatakan kewujudan manuskrip khas berkaitan dengan perundangan kekeluargaan Islam di Sarawak sebelum kedatangan James Brooke; dan, menghuraikan undang-undang kekeluargaan Islam yang terdapat di dalam Kanun Negeri Lingga. Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan deskriptif kualitatif iaitu menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan analisis dokumen. Kaedah analisis data yang digunakan untuk meneliti dan menjelaskan tafsiran yang terdapat dalam KNL bersifat mikro dan melibatkan beberapa peringkat, iaitu; penyediaan teks dan memahami permasalahan kajian; membaca keseluruhan KNL; pengekodan data; pengelasan data berdasarkan tema; dan menginterpretasi data atau menjelaskan maksud data-data yang telah diperolehi. Kajian ini berjaya untuk membuktikan kewujudan pengamalan undang-undang kekeluargaan Islam sebelum kedatangan James Brooke di Sarawak. Selain itu, kajian ini turut berjaya menghuraikan undang-undang kekeluargaan Islam yang terdapat di dalam KNL seperti undang-undang perkahwinan Islam, pertunangan, wali, ijab dan kabul, saksi, khiyar, hukum perkahwinan orang Islam dengan bukan Islam dan perkahwinan orang yang merdeka dengan hamba. Penjelasan tentang perundangan kekeluargaan Islam yang terkandung dalam KNL termaktub pada halaman 51 hingga halaman 52 dan halaman 72 hingga halaman 82. Kajian ini merumuskan bahawa kewujudan undang-undang kekeluargaan seperti KNL turut berperanan dalam pembentukan